

Media Monitoring

Publication: **Kosmo (Print) – Page 36**

Circulation/Audience: **1,008,000**

Date: **26 May 2022**

Reference: **Ekuiti Nasional**

Headline: **Hasil syarikat portfolio Ekuinas tumbuh 30.2%**

(Page 1 of 1)



Hasil syarikat Ekuinas tumbuh 30.2%

PETALING JAYA – Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) mengumumkan syarikat portfolionya mencatat pertumbuhan hasil sebanyak 30.2 peratus, manakala pertumbuhan pendapatan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA) sebanyak 31.3 peratus, jauh menjangkau pertumbuhan pada tahun kewangan berakhir 2021 dengan nilai masing-masing 12.3 peratus dan 27.2 peratus.

Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun-Uda berkata, pencapaian ini menunjukkan keupayaan syarikat melaksanakan mandatnya dan memacu nilai signifikan bagi syarikat-syarikat portfolio dan pihak berkepentingannya.

“Pada tahun lalu khususnya bagi separuh kedua, kita menyaksikan cabaran makro ekonomi dan sentimen yang lemah dengan satu trend yang dijangka berterusan hingga ke tahun 2023.

“Walaupun konflik geopolitik global masih belum selesai, syarikat-syarikat terus menempa kemajuan dengan tumpuan kepada keunggulan operasi, daya ketahanan dan



RAJA ARSHAD mengumumkan keputusan kewangan Ekuinas bagi tahun 2022 di Kuala Lumpur semalam.

kecekapan,” katanya dalam kenyataan bersempena pengumuman keputusan kewangan bagi tahun 2022 di sini semalam.

Selain itu, Raja Arshad menjelaskan, Ekuinas meneruskan mandat untuk meningkatkan penglibatan bumiputera dalam ekonomi dan kekayaan melalui ekuiti serta memacu pertumbuhan syarikat-syarikat Malaysia ke fasa pertumbuhan seterusnya.

Tambah beliau, kedua-dua pelaburan dana langsung Ekui-

nas mahupun dana yang diuruskan oleh pengurus dana penyumberan luar telah berjaya meningkatkan pemilikan ekuiti bumiputera sehingga RM6.5 bilion atau 1.6 kali modal yang dilaburkan.

Pengurusan bumiputera dalam kalangan syarikat portfolio meningkat sebanyak 21.9 peratus sejak penglibatan Ekuinas, manakala Jumlah Nilai Pemegang Saham meningkat kepada RM8.2 bilion atau 2.1 kali modal yang dilaburkan.